

**Rasai Dan Fahami Denyut Nadi Rakyat, Ingatan Pengerusi Kelab Adun BN
Bernama
January 12, 2012**

BUKIT GANTANG, 12 Jan (Bernama) -- Semua anggota Kelab Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) diminta memanfaatkan program pemukiman di Perak kali ini untuk lebih merasai dan memahami denyut nadi rakyat.

Pengerusinya Datuk Mohd Nadzri Ismail berkata wakil rakyat perlu memanfaatkan peluang tersebut melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti antaranya bermalam bersama keluarga angkat di 135 kampung dari lapan kawasan Parlimen di Perak seperti Bukit Gantang, Taiping, Bruas dan Bagan Serai.

"Pergilah ke 20 buah rumah (yang terpilih) untuk mengenalpasti sebarang permasalahan yang timbul selain memberi pertolongan, dan jika perlu, drafkan permasalahan tersebut supaya kita boleh buat susulan," katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada Majlis Penyerahan Anak Angkat ADUN-ADUN BN Seluruh Malaysia di Changkat Jering di sini hari ini.

'Sentuhan kasih' antara rakyat dan pemimpin menjadi pendekatan utama pada program pemukiman yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini.

Seramai 135 ADUN dari seluruh negara hadir pada program pemukiman kali ini.

---BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639748>